

# Adun dipecat mungkin wajib kosong kerusi

BH 21 DEC 2002

Oleh Kadir Dikoh dan  
Magendran Rajagopal

KUALA LUMPUR, Jumaat – Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) dan Ahli Parlimen yang dikenakan tindakan seperti pemecatan oleh partinya mungkin diwajibkan mengosongkan kerusi bagi membolehkan pilihan raya kecil diadakan.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, perkara itu akan dibincangkan pada mesyuarat Dewan Tertinggi Barisan Nasional (BN) bulan depan jika ada parti komponen membangkitkannya.

“Yang itu (cadangan bagi ADUN atau MP yang dipecat perlu mengosongkan kerusi) akan kita bawa kepada BN dalam perbincangan jika perkara itu dibangkitkan,” kata Perdana Menteri pada sidang akhbar selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, di sini hari ini.

Beliau yang juga Pengerusi BN menjawab soalan pemberita mengenai ke-

mungkinan Adun atau MP daripada BN yang dipecat perlu mengosongkan kerusi mereka.

Bagaimanapun, Dr Mahathir tidak menjelaskan lanjut mengenai perkara itu, sebaliknya berkata mesyuarat kira-kira tiga jam membincang secara mendalam isu dua Adun MCA Pulau Pinang, Lim Boo Chang (BN-Datuk Keramat) dan Tan Cheng Liang (BN-Jawi).

Kes dua Adun itu mencetuskan kontroversi kerana enggan mengundi menolak usul pembangkang supaya ditangguhkan projek Jalan Lingkar Luar Pulau Pinang (PORR) bernilai RM1.02 billion. Mereka mengambil pendirian berkecuali ketika undian usul pada hari terakhir Persidangan Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang pada 21 November lalu.

Bagaimanapun, mesyuarat Majlis Presiden MCA cuma menjatuhkan hukuman menggantung keahlian tanpa suatu tempoh pasti sehingga timbul-

kan kontroversi.

Mesyuarat MT Umno pada 29 November lalu mengambil pendirian supaya dua Adun itu dipecat.

Dr Mahathir juga berkata, Umno memperoleh maklumat terbaru mengenai isu itu dan akan dikemukakan pada mesyuarat Dewan Tertinggi BN bulan depan untuk dibincangkan.

Bagaimanapun, beliau enggan memberitahu maklumat terbaru berkenaan.

“Saya tak payah jelas lanjut, tapi kita dapat maklumat baru. Kita akan kemukakan kepada BN kerana kita tidak mahu perkara ini menjadi bahan perbincangan yang akan mempengaruhi pendirian BN,” katanya.

Sebaliknya, kata Dr Mahathir, Umno menganggap isu itu sebagai serius dan mesyuarat MT turut membincangkan tindakan MCA menggantung keahlian dua Adun itu.

“Pendapat kita ialah walaupun tindakan terhadap

seorang ahli parti adalah tanggungjawab parti, kita anggap orang ini mewakili BN dan dengan itu BN perlu memainkan peranan menentukan sama ada tindakan pergantungan itu memadai atau tidak.

“Oleh kerana itu, kita ingin memanggil mesyuarat Dewan Tertinggi BN untuk membincang perkara ini,” katanya.

Ditanya pendirian terbaru MT Umno mengenai

isu itu, beliau berkata: “Pendirian kita membandingkan kepada penerangan yang jelas ialah perkara ini adalah perkara BN. Ini bermakna ia berbeza sedikit dengan apa yang diumumkan dulu dan ia perlu dirujuk kepada BN dan kita akan patuh kepada keputusan BN.”

Mengenai sama ada Umno berpuas hati dengan tindakan MCA hanya menggantung keahlian

Adun terbabit, Presiden Umno berkata, MT menimbang perkara ini dan perkara ini perlu dirujuk kepada BN.

Katanya, isu itu adalah berkisar kepada persoalan prinsip BN dan dengan itu ia perlu dibincang pada peringkat Dewan Tertinggi BN.

Pada akhir sidang akhbar, wartawan mengucapkan selamat hari jadi ke-77 kepada Dr Mahathir dan

kemudian menyanyikan lagu ‘Selamat Hari Jadi’ beramai-ramai bersama pemimpin kanan Umno, termasuk Timbalan Presidennya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ditanya harapannya sempena hari ulang tahun itu, Perdana Menteri yang akan bersara Oktober depan berkata: “Untuk negara ini terus aman supaya apabila saya pergi; tidak akan rasa berat hati.”